

Jangan jemu gerakkan BH 14 JUN 1954 jentera pilihan raya

(P)

MELAKA, Isnin — Pemimpin Barisan Nasional (BN) tidak harus jemu dan bosan menggerakkan jentera parti walaupun pilihan raya umum tidak diadakan dalam tempoh terdekat ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan pemimpin supaya tidak bekerja hanya apabila menjelang pilihan raya tetapi bersikap sambil lewa pada masa lain.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata pemimpin politik harus terus berusaha memajukan negara bagi kepentingan rakyat yang memilih mereka kerana ada banyak lagi tugas yang perlu dilaksanakan.

"Membangunkan negara adalah perjuangan jangka masa panjang. Sudah dibangunkan nak dibangunkan lagi dan semua ini untuk rakyat," katanya ketika berucap

setibanya di lapangan terbang Batu Berendam, di sini untuk lawatan sehari di sini, hari ini.

Ketibaan Perdana Menteri diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali disambut oleh Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik dan anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Beliau mengulangi, pilihan raya mungkin diadakan pada bila-bila masa dalam jangka masa daripada sekarang sehingga Disember tahun depan.

Katanya walaupun banyak orang berpendapat keadaan aman yang dikecapi sekarang dianggap masa yang baik untuk diadakan pilihan raya, namun ia tidak semesti diadakan sekarang.

"Ramai yang mengatakan sekarang adalah masa sesuai diadakan pilihan raya. Kita harus bersiap sedia dari sekarang. Tetapi jika pilihan

raya tidak diadakan dalam masa dua atau minggu ini, jangan bosan dan kecewa," katanya.

Katanya soal lobi dan berkempen untuk mendapat tempat adalah perkara biasa yang tetap dibuat walaupun bukan pada masa pilihan raya.

Dr Mahathir juga mengingatkan rakyat supaya berusaha mengekalkan kesejahteraan yang dinikmati negara kini.

Katanya, pemimpin dan rakyat harus sentiasa mengekalkan keamanan yang ada sekarang bagi menjamin pembangunan negara dapat diteruskan.

"Tidak ada guna kita menjadi pemimpin sebuah negara yang tidak aman kerana kita akan dipandang hina.

"Oleh itu semua orang harus mengekalkan keamanan yang dikecapi negara sejak merdeka, malah mereka yang datang dari jauh dan melabur di

negara ini senang hati kerana dalam masa 10 tahun akan datang mereka akan mengecapi hasil di luar jangkaan mereka."

Dr Mahathir berkata kejayaan dan keamanan yang dikecapi negara adalah hasil rakyat hidup rukun damai selama ini tanpa sebarang tekanan.

"Kita tidak harus mencekalkan keadaan kerana ini tidak akan membawa faedah sekiranya tekanan itu boleh mengakibatkan rusuhan dan menjadikan negara dalam keadaan yang tidak baik.

Beliau juga meminta rakyat menolak fahaman ekstremis yang menggunakan agama untuk kepentingan diri sendiri.

Katanya tidak ada agama yang menganjurkan dakwah dalam bentuk pembunuhan atau menegakan tekanan terhadap orang lain seperti yang berlaku di sesetengah negara.